

KEUSAHAWANAN DAN PEMBANGUNAN LESTARI 2030

Oleh: ZULNAIDI YAACOB

Jurang kekayaan yang melebar antara isi rumah berpendapatan tinggi dengan isi rumah berpendapatan rendah adalah sebahagian daripada isu kesejahteraan ekonomi dan sosial yang sedang dilalui oleh Malaysia. Berdasarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai pekali Gini semakin meningkat. Hal ini menunjukkan bahawa jurang pendapatan antara kumpulan berpendapatan tinggi dengan kumpulan berpendapatan rendah semakin melebar.

Pada masa yang sama, pandemik COVID-19 yang melanda dunia, menambahkan perit dan derita kumpulan rentan akibat kemerosotan pendapatan. Tindakan majikan yang terpaksa memberhentikan pekerja atau mengurangkan gaji pekerja akibat kemerosotan aktiviti dan hasil perniagaan menyebabkan kumpulan rentan kian tertekan. Walau bagaimanapun, golongan

yang terjejas ini berasa sedikit lega apabila pakej bantuan kerajaan diberi kepada mereka. Namun begitu, apakah strategi jangka panjang untuk membantu kumpulan isi rumah berpendapatan rendah bagi menghadapi 'cabaran' keperluan kewangan?

Dalam memperkasakan dan membuka peluang ekonomi yang lebih luas kepada golongan ini, bidang keusahawanan berpotensi menjadi wahana yang berkesan. Hal ini demikian kerana keusahawanan dapat membina semula peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan

isi rumah serta menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial yang lebih terangkum.

Keusahawanan berperanan sebagai agen transformasi sosial yang berkesan di kebanyakan negara, termasuklah Malaysia. Keusahawanan menyediakan peluang ekonomi kepada belia, meningkatkan pendapatan isi rumah, menambahkan nilai output bahan mentah tempatan dan menjanakan peluang pekerjaan.

Dalam kata lain, pembangunan keusahawanan dapat meningkatkan penyertaan rakyat secara langsung dalam pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini menyumbang kepada pencapaian Agenda Pembangunan Lestari 2030, iaitu agenda global untuk mencapai pembangunan lestari dalam dimensi sosial, ekonomi dan alam sekitar. Melalui agenda ini, sebanyak 17 matlamat digariskan dan dirangkumkan di bawah Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDGs). Sebanyak 192 buah negara menyatakan komitmen mereka terhadap SDGs, sekali gus menggambarkan agenda global ini membina peluang kepada seluruh penduduk dunia untuk menikmati pembangunan yang lebih seimbang dan terangkum.

Sebagai sebuah negara yang menyasarkan untuk merealisasikan SDGs, maka bidang keusahawanan dilihat sebagai bidang yang terus digembleng melalui dasar dan perancangan pembangunan utama negara, merangkumi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).



Penyertaan kumpulan rentan dalam bidang keusahawanan mempunyai potensi untuk membantu mereka menerima pendapatan yang lebih baik.

Penggemblengan aspirasi SDGs dalam Rancangan Malaysia melalui strategi yang dijalankan akan mencapai kos yang optimum dan agihan sumber yang lebih cekap. Bagi memastikan SDGs dapat direalisasikan di Malaysia, Perdana Menteri Malaysia bertindak sebagai penaung kepada Majlis SDGs Kebangsaan. Seterusnya, dasar dan inisiatif yang dilaksanakan diselaraskan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Manakala, Jabatan Perangkaan Malaysia

pula berperanan sebagai agensi koordinator dalam pengumpulan data SDG.

Pembangunan bidang keusahawanan menyokong Malaysia merealisasikan beberapa matlamat yang digariskan dalam SDG. Sebagai contohnya, SDG1 yang menetapkan matlamat tiada kemiskinan dengan mengukur petunjuk seperti pendapatan isi rumah. Hal ini boleh dicapai melalui aktiviti keusahawanan.

Penyertaan kumpulan rentan dalam bidang keusahawanan mempunyai potensi untuk membantu mereka menerima pendapatan yang lebih baik. Oleh hal yang demikian, program untuk memperkasakan golongan ini agar berupaya mengendalikan perniagaan dengan berkesan berpotensi menjadi wahana untuk meningkatkan pendapatan. Walau bagaimanapun, isu pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta penyertaan dalam pasaran digital adalah antara cabaran yang perlu ditekuni.



Dalam hal ini, golongan usahawan perlu dibimbing dalam aspek pengurusan kewangan. Hal ini demikian kerana pengurusan kewangan memerlukan disiplin kewangan dan perspektif pertumbuhan jangka panjang. Pengurusan kewangan perlu dipelajari dan dibina agar golongan usahawan tidak terperangkap dalam zon pengurusan kewangan yang lemah.

Matlamat SDG3, iaitu mencapai taraf kesihatan dan kesejahteraan yang baik berupaya dicapai melalui kedudukan kewangan yang lebih baik. Hal ini turut menyumbang kepada jumlah pendapatan yang lebih tinggi. Tingkah laku kewangan yang positif berupaya meningkatkan kemampuan isi rumah untuk mencapai fasiliti dan kepakaran kesihatan yang terbaik.

Pembangunan bidang keusahawanan yang sistematik juga menyumbang kepada aspirasi yang terangkum dalam SDG8. Satu daripada petunjuk SDG8 ialah peratusan pekerjaan dalam sektor informal. Walaupun PKS berpotensi besar dalam memberikan sumbangan kepada kesejahteraan ekonomi

Peningkatan penyertaan masyarakat sebagai usahawan juga bererti bahawa masyarakat tidak lagi bergantung pada sektor awam sahaja sebagai pasaran kerja, sebaliknya turut menyumbang kepada penciptaan peluang pekerjaan.

dan sosial, tetapi sebahagian PKS berada di luar dari arus perdana kerana beroperasi sebagai entiti tidak formal. Keadaan ini merujuk perniagaan yang tidak mempunyai lesen dan rekod rasmi. Oleh hal yang demikian, usaha menjadikan perniagaan tidak formal ini kepada entiti formal perlu digandakan.

Usaha ini boleh dicapai melalui program penggalakan pendaftaran perniagaan dari sektor tidak formal seperti kemudahan pengecualian yuran pendaftaran perniagaan. Program ini akan menggalakkan lebih banyak pendaftaran perniagaan. Maklumat ini membolehkan data yang tepat dikumpulkan untuk dijadikan input bagi merangka pelan pembangunan dan pertumbuhan keusahawanan secara lebih terangkum. Hal ini demikian kerana aktiviti keusahawanan tidak formal berisiko tercicir daripada menerima manfaat bantuan dan program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Petunjuk lain dalam SDG8 ialah mengurangkan peratusan pengangguran. Dalam hal ini, bidang keusahawanan mempunyai potensi untuk menyerap pengangguran dalam pasaran kerja melalui anjakan peranan individu, iaitu daripada pencari kerja kepada penjana kerja. Selain menjana pekerjaan untuk diri sendiri sebagai usahawan, mereka juga dapat menambahkan peluang pekerjaan.

Peranan besar yang dimainkan oleh aktiviti keusahawanan melalui PKS sebagai majikan terbukti apabila PKS menjadi sektor yang menawarkan peluang pekerjaan yang paling banyak. Peningkatan penyertaan masyarakat sebagai usahawan

juga bererti bahawa masyarakat tidak lagi bergantung pada sektor awam sahaja sebagai pasaran kerja, sebaliknya turut menyumbang kepada penciptaan peluang pekerjaan. Hal ini menjadikan bidang keusahawanan berpotensi besar sebagai wahana yang menjamin rakyat menikmati pertumbuhan ekonomi negara.

Kegiatan keusahawanan membuka lebih banyak peluang pekerjaan yang dikategorikan sebagai pekerjaan layak selaras dengan sasaran SDG8, iaitu kedudukan yang lebih baik dalam aspek pekerjaan yang layak. Mengikut definisi Pertubuhan Buruh Antarabangsa, pekerjaan yang layak ialah pekerjaan yang dibayar upah yang adil, jaminan dan keselamatan pekerjaan terjaga yang merangkumi perlindungan sosial terhadap pekerja dan keluarga serta menjaga prinsip keadilan dalam layanan, peluang, interaksi dan kebebasan meluahkan pendapat.

Selain itu, SDG8 juga menggariskan beberapa perkara yang perlu dibina dalam ekosistem sesebuah negara untuk merangsang pertumbuhan dan meningkatkan pencapaian PKS. Hal ini boleh dicapai melalui pembentukan dasar, perancangan dan aktiviti yang dijalankan oleh agensi awam. Dengan kata lain, SDG8 merangkumi perkara yang perlu dilakukan oleh kerajaan untuk membangunkan PKS. Pada masa yang sama, perkara yang boleh disumbangkan oleh PKS untuk mencapai sebahagian lagi matlamat SDG8.

Ekosistem yang melingkari pembangunan kegiatan keusahawanan di Malaysia berpotensi memainkan peranan yang signifikan yang menyumbang kepada

Kerajaan memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi sektor keusahawanan, khususnya PKS seiring dengan potensi keusahawanan sebagai penyumbang kepada sasaran SDG Malaysia.


aspirasi pembangunan lestari. Hal ini merangkumi pembangunan keusahawanan yang mempunyai elemen seperti memfokuskan kumpulan berpendapatan rendah, pembangunan keusahawanan merentasi pelbagai sektor, termasuklah kesihatan dan ekopelancongan, penawaran penciptaan peluang pekerjaan yang banyak, penciptaan idea inovatif yang menawarkan penyelesaian pasaran, dan pembangunan komuniti setempat melalui keusahawanan sosial.

Pelbagai program pembangunan keusahawanan di Malaysia diwujudkan untuk membantu kumpulan berpendapatan rendah mencapai kedudukan kewangan yang lebih baik melalui aktiviti perniagaan. Selain itu, pelbagai sokongan disediakan yang merangkumi pembangunan kapasiti, pemberian geran, pembiayaan yang bercirikan kewangan sosial, serta pembentukan kerangka dan ekosistem industri yang merangsang pertumbuhan aktiviti perniagaan.

Sebagai kesimpulannya, pembangunan keusahawanan yang melibatkan kumpulan rentan serta berpendapatan rendah dapat memperkasakan golongan ini untuk merebut peluang ekonomi yang muncul secara aktif. Dari perspektif makro pula, peningkatan pendapatan isi rumah ini akan menyumbang kepada anjakan negara kepada ekonomi berpendapatan lebih tinggi.

Status ekonomi yang lebih tinggi akan memberikan peluang kepada rakyat untuk menikmati kualiti hidup yang lebih baik serta menjangkakan peningkatan dalam kecekapan perkhidmatan awam, fasiliti awam, jaringan pengangkutan, sistem pendidikan, dan sistem kesihatan.

Kerajaan memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi sektor keusahawanan, khususnya PKS seiring dengan potensi keusahawanan sebagai penyumbang kepada sasaran SDG Malaysia. Hal ini demikian kerana sektor PKS di negara ini masih dibelenggu dengan pelbagai cabaran. Cabaran ini jika tidak diatasi dengan berkesan boleh menjejaskan potensi PKS sebagai pemain penting dalam menjayakan SDG. Oleh hal yang demikian, reformasi struktural dan penambahbaikan yang berterusan dan menyeluruh adalah mustahak untuk meningkatkan daya saing PKS.

Cabaran ini, antaranya termasuklah pengetahuan dan kemahiran perniagaan, pengurusan kewangan, tahap inovasi, penerapan teknologi digital, dan pematuhan piawai antarabangsa menuntut perhatian berterusan dalam kalangan PKS. Penambahbaikan dalam hal yang dinyatakan ini dapat membantu PKS bersaing serta meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan nilai eksport negara. 

Profesor Madya Dr. Zulnaidi Yaacob ialah pensyarah di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.